

D.R. 7/2010

RANG UNDANG-UNDANG PERSAINGAN 2010

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Pemakaian

BAHAGIAN II

AMALAN ANTIPERSAINGAN

Bab 1

Perjanjian antipersaingan

4. Perjanjian mendatar dan menegak yang dilarang
5. Pelepasan liabiliti
6. Pengecualian individu
7. Pembatalan atau perubahan pengecualian individu
8. Pengecualian blok
9. Tatacara bagi pengecualian blok

Bab 2

Penyalahgunaan kedudukan dominan

10. Penyalahgunaan kedudukan dominan adalah dilarang

Bab 3

Kajian semula pasaran

11. Kuasa untuk menjalankan kajian semula pasaran
12. Keputusan kajian semula pasaran

Bab 4

Kecualian

Fasal

13. Kecualian

BAHAGIAN III

PENYIASATAN DAN PENGUATKUASAAN

14. Penyiasatan oleh Suruhanjaya
15. Aduan kepada Suruhanjaya
16. Penutupan suatu penyiasatan
17. Kuasa penyiasatan
18. Kuasa untuk menghendaki pemberian maklumat
19. Suruhanjaya boleh memegang simpan dokumen
20. Akses kepada rekod, dsb.
21. Kerahsiaan
22. Komunikasi terlindung
23. Memberikan maklumat, keterangan atau dokumen palsu atau mengelirukan
24. Pemusnahan, penyembunyian, pencacatan atau pengubahan rekod, dsb.
25. Penggeledahan dan penyitaan dengan waran
26. Penggeledahan dan penyitaan tanpa waran
27. Capaian kepada data berkomputer
28. Waran boleh diterima walaupun cacat
29. Senarai rekod, buku, akaun, dsb., yang disita
30. Pelepasan rekod, buku, akaun, dsb., yang disita
31. Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan
32. Halangan
33. Pemberian maklumat
34. Ancaman dan tindakan balas dilarang

BAHAGIAN IV

KEPUTUSAN OLEH SURUHANJAYA

Fasal

35. Langkah interim
36. Keputusan yang dicadangkan oleh Suruhanjaya
37. Representasi lisan
38. Penjalanan pendengaran
39. Dapatan tiada pelanggaran
40. Dapatan pelanggaran
41. Rejim kelonggaran
42. Penguatkuasaan arahan atau keputusan
43. Kuasa untuk menerima aku janji

BAHAGIAN V

TRIBUNAL RAYUAN PERSAINGAN

44. Penubuhan Tribunal Rayuan Persaingan
45. Keanggotaan Tribunal Rayuan Persaingan
46. Elaun
47. Peletakan jawatan dan pembatalan pelantikan
48. Pengosongan jawatan dan pelantikan baru atau sementara
49. Penzahiran kepentingan
50. Setiausaha Tribunal Rayuan Persaingan dan pegawai lain
51. Rayuan kepada Tribunal Rayuan Persaingan
52. Rekod keputusan Suruhajaya
53. Penggantungan keputusan sementara menunggu rayuan
54. Komposisi Tribunal Rayuan Persaingan
55. Persidangan Tribunal Rayuan Persaingan
56. Tatacara Tribunal Rayuan Persaingan
57. Kuasa Tribunal Rayuan Persaingan
58. Keputusan Tribunal Rayuan Persaingan
59. Penguatkuasaan keputusan Tribunal Rayuan Persaingan
60. Perlindungan terhadap guaman dan prosiding undang-undang

BAHAGIAN VI

AM

Fasal

61. Penalti am
62. Pengkompaunan kesalahan
63. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan
64. Hak tindakan persendirian
65. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan
66. Kuasa untuk mengeluarkan garis panduan
67. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk menggalakkan pembangunan ekonomi dengan menggalakkan dan melindungi proses persaingan, dan dengan demikian itu melindungi kepentingan pengguna dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[]

BAHAWASANYA proses persaingan menggalakkan kecekapan, inovasi dan keusahawanan, yang menggalakkan harga yang berdaya saing, pembaikan dalam kualiti produk dan perkhidmatan dan pilihan yang lebih luas bagi pengguna:

DAN BAHAWASANYA untuk mencapai faedah ini, perundangan ini bermaksud untuk melarang perlakuan antipersaingan:

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Persaingan 2010.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta ini” termasuklah mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini;

“amalan bersepadu” ertinya apa-apa bentuk koordinasi antara perusahaan yang dengan diketahuinya menggantikan kerjasama amali antara mereka untuk risiko persaingan dan termasuklah apa-apa amalan yang melibatkan hubungan atau komunikasi secara langsung atau tidak langsung antara perusahaan, yang matlamat atau kesannya ialah sama ada—

- (a) untuk mempengaruhi perlakuan satu perusahaan atau lebih dalam suatu pasaran; atau
- (b) untuk mendedahkan perjalanan perlakuan yang diputuskan untuk diambil oleh suatu perusahaan atau yang hendak diambil olehnya dalam suatu pasaran, dalam hal keadaan yang pendedahan itu tidak akan dibuat dalam keadaan biasa persaingan;

“arahan” ertinya suatu arahan yang diberikan oleh Suruhanjaya di bawah Bahagian III atau Bahagian IV Akta ini;

“barangan” ertinya tiap-tiap jenis harta, sama ada ketara atau tidak ketara dan termasuklah—

- (a) segala jenis harta alih;
- (b) bangunan dan struktur lain;
- (c) vesel dan kenderaan;
- (d) utiliti;
- (e) mineral, pokok dan tanaman, sama ada pada, di bawah atau terlekat pada tanah atau tidak;
- (f) haiwan, termasuk ikan; dan
- (g) hak dalam tindakan;

“dokumen” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam Akta Keterangan 1950 [*Akta 56*];

“harga” termasuklah apa-apa bentuk balasan yang diberikan sebagai balasan bagi apa-apa jenis barangan atau perkhidmatan, sama ada balasan itu telah sebenarnya diberikan atau diiklankan atau dinyatakan sebagai dikehendaki supaya diberikan sebagai tukaran bagi barangan atau perkhidmatan itu;

“kedudukan dominan” ertinya suatu keadaan yang dalamnya satu perusahaan atau lebih mempunyai kuasa yang signifikan dalam suatu pasaran untuk melaraskan harga atau output atau terma perdagangan, tanpa kekangan yang berkesan daripada pesaing atau pesaing berpotensi;

“larangan” ertinya apa-apa larangan di bawah Akta ini;

“membekalkan” termasuklah—

- (a) berhubungan dengan barangan, pembekalan dan pembekalan semula, secara penjualan, pertukaran, pajakan, sewaan atau sewa beli barangan; dan
- (b) berhubungan dengan perkhidmatan, pengadaan secara penjualan, pemberian atau pembekalan perkhidmatan itu;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi perdagangan dalam negeri dan hal ehwal pengguna;

“menyiarkan”, apabila tiada cara dinyatakan, ertinya menyiarkan dalam apa-apa bentuk atau cara sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya;

“pasaran” ertinya suatu pasaran di Malaysia atau di mana-mana bahagian Malaysia, dan apabila digunakan berhubungan dengan apa-apa barangan atau perkhidmatan, termasuklah suatu pasaran bagi barangan atau perkhidmatan itu dan barangan atau perkhidmatan yang boleh digantikan, atau selainnya bersaing dengan, barangan atau perkhidmatan yang mula-mula disebut itu;

“Pegawai Suruhanjaya” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 [*Akta*];

“pelanggaran” ertinya suatu pelanggaran mana-mana larangan di bawah Akta ini;

“perjanjian” ertinya apa-apa bentuk kontrak, perkiraan atau persefahaman, sama ada boleh atau tidak boleh dikuatkuasakan di sisi undang-undang, antara perusahaan, dan termasuklah suatu keputusan oleh suatu persatuan dan amalan bersepadu;

“perjanjian mendarat” ertinya suatu perjanjian antara perusahaan yang setiapnya beroperasi pada peringkat yang sama dalam rangkaian pengeluaran atau pendedaran;

“perjanjian menegak” ertinya suatu perjanjian antara perusahaan yang setiapnya beroperasi pada peringkat yang berlainan dalam rangkaian pengeluaran atau pendedaran;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Suruhanjaya yang dilantik di bawah Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 [*Akta*];

“pengguna” ertinya mana-mana pengguna langsung atau tidak langsung barangan atau perkhidmatan yang dibekalkan oleh suatu perusahaan dalam perjalanan perniagaan, dan termasuklah suatu perusahaan lain yang menggunakan barangan atau perkhidmatan yang dibekalkan sedemikian sebagai input bagi perniagaannya sendiri serta seorang pemborong, peruncit dan pengguna akhir;

“perusahaan” ertinya apa-apa entiti yang menjalankan aktiviti komersial yang berhubungan dengan barangan atau perkhidmatan, dan bagi maksud Akta ini, suatu syarikat induk dan subsidiari hendaklah disifatkan sebagai perusahaan tunggal jika, walaupun mempunyai entiti berasingan di sisi undang-undang, kedua-duanya membentuk suatu unit ekonomi tunggal yang dalamnya subsidiari-subsidiari itu tidak mempunyai autonomi sebenar dalam menentukan tindakan mereka dalam pasaran;

“Suruhanjaya” ertinya Suruhanjaya Persaingan yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Persaingan 2010.

Pemakaian

3. (1) Akta ini terpakai bagi apa-apa aktiviti komersial, di dalam dan tertakluk kepada subseksyen (2), di luar Malaysia.

(2) Berhubung dengan pemakaian Akta ini di luar Malaysia, Akta ini terpakai bagi apa-apa aktiviti komersial yang dijalankan di luar Malaysia yang mempunyai kesan terhadap persaingan dalam apa-apa pasaran di Malaysia.

(3) Akta ini tidak terpakai bagi apa-apa aktiviti komersial yang dikawal selia di bawah undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual Pertama.

(4) Bagi maksud Akta ini, “aktiviti komersial” ertinya apa-apa aktiviti yang bersifat komersial tetapi tidak termasuk—

- (a) apa-apa aktiviti, secara langsung atau tidak langsung dalam penjalanan kuasa kerajaan;
- (b) apa-apa aktiviti yang dijalankan berasaskan pada prinsip perpaduan; dan
- (c) apa-apa pembelian barangan atau perkhidmatan yang bukan bagi maksud untuk menawarkan barangan atau perkhidmatan sebagai sebahagian daripada suatu aktiviti ekonomi.

BAHAGIAN II

AMALAN ANTIPERSAINGAN

Bab 1

Perjanjian antipersaingan

Perjanjian mendatar dan menegak yang dilarang

4. (1) Suatu perjanjian mendatar atau menegak antara perusahaan adalah dilarang setakat yang perjanjian itu mempunyai matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran bagi barangan atau perkhidmatan.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), suatu perjanjian mendatar antara perusahaan yang mempunyai matlamat untuk—

- (a) menetapkan, secara langsung atau tidak langsung, suatu harga belian atau jualan atau apa-apa syarat perdagangan yang lain;

- (b) berkongsi pasaran atau punca bekalan;
- (c) membataskan atau mengawal—
 - (i) pengeluaran;
 - (ii) saluran keluar pasaran atau capaian pasaran;
 - (iii) pembangunan teknikal atau teknologi; atau
 - (iv) pelaburan; atau
- (d) melakukan tipuan bida,

adalah disifatkan mempunyai matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran bagi barangan atau perkhidmatan.

(3) Mana-mana perusahaan yang merupakan suatu pihak kepada suatu perjanjian yang dilarang di bawah seksyen ini adalah bertanggung bagi pelanggaran larangan itu.

Pelepasan liabiliti

5. Walau apa pun seksyen 4, suatu perusahaan yang merupakan suatu pihak kepada suatu perjanjian boleh melepaskan liabilitinya bagi pelanggaran larangan di bawah seksyen 4 berasaskan sebab-sebab yang berikut:

- (a) terdapat faedah yang signifikan yang dapat dikenal pasti dari segi teknologi, kecekapan atau sosial yang berbangkit daripada perjanjian itu;
- (b) faedah itu tidak dapat semunasabahnya diberikan oleh pihak-pihak kepada perjanjian itu tanpa perjanjian itu mempunyai kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan;
- (c) kesan buruk perjanjian itu pada persaingan adalah bersekadar dengan faedah yang diberikan; dan
- (d) perjanjian itu tidak membenarkan perusahaan yang berkenaan untuk menghapuskan persaingan sama sekali berkenaan dengan sebahagian besar barangan atau perkhidmatan.

Pengecualian individu

6. (1) Suatu perusahaan boleh memohon kepada Suruhanjaya untuk suatu pengecualian berkenaan dengan suatu perjanjian tertentu bagi larangan di bawah seksyen 4.

(2) Suruhanjaya boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, memberikan pengecualian itu jika, pada pendapat Suruhanjaya, perjanjian itu ialah perjanjian yang seksyen 5 terpakai baginya.

(3) Suatu pengecualian yang diberikan di bawah seksyen ini disebut sebagai “pengecualian individu”.

(4) Pengecualian individu yang diberikan oleh Suruhanjaya boleh—

- (a) tertakluk kepada apa-apa syarat atau obligasi yang difikirkan sesuai dikenakan oleh Suruhanjaya; dan
- (b) diberikan bagi suatu tempoh terhad sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu.

(5) Suatu pengecualian individu boleh memperuntukkan bahawa ia akan berkuat kuasa dari suatu tarikh yang lebih awal daripada tarikh perintah itu dibuat.

Pembatalan atau perubahan pengecualian individu

7. (1) Jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa—

- (a) terdapat suatu perubahan material pada hal keadaan sejak ia memberikan suatu pengecualian individu; atau
- (b) suatu obligasi telah dilanggar,

Suruhanjaya boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*—

- (i) membatalkan pengecualian individu itu;
- (ii) mengubah atau mengeluarkan apa-apa syarat atau obligasi; atau
- (iii) mengenakan syarat atau obligasi tambahan.

(2) Jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa—

- (a) maklumat yang berasaskannya Suruhanjaya membuat keputusan untuk memberikan suatu pengecualian individu itu adalah palsu atau mengelirukan dalam hal perkara material; atau
- (b) apa-apa syarat telah dilanggar,

Suruhanjaya boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, membatalkan pengecualian individu itu.

(3) Apa-apa tindakan yang diambil oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen (1) hendaklah berkuat kuasa dari tarikh perintah itu dibuat.

(4) Suatu pengecualian individu yang dibatalkan—

- (a) menurut kuasa perenggan (2)(a) adalah terbatal *ab initio*; atau
- (b) menurut kuasa perenggan (2)(b) hendaklah berkuat kuasa dari tarikh syarat itu dilanggar.

Pengecualian blok

8. (1) Jika perjanjian-perjanjian yang tergolong dalam suatu kategori perjanjian tertentu berkemungkinan, pada pendapat Suruhanjaya, merupakan perjanjian-perjanjian yang baginya seksyen 5 terpakai, Suruhanjaya boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, memberikan suatu pengecualian kepada kategori perjanjian tertentu itu.

(2) Suatu pengecualian yang diberikan di bawah seksyen ini disebut sebagai “pengecualian blok”.

(3) Suatu perjanjian yang tergolong dalam suatu kategori yang dinyatakan dalam suatu pengecualian blok adalah dikecualikan daripada larangan di bawah seksyen 4.

(4) Suruhanjaya dalam memberikan pengecualian blok boleh mengenakan apa-apa syarat atau obligasi yang tertakluk kepadanya suatu pengecualian blok itu berkuat kuasa.

(5) Suatu pengecualian blok boleh memperuntukkan bahawa—

- (a) jika terdapat suatu pelanggaran syarat yang dikenakan oleh pengecualian blok itu, Suruhanjaya boleh, dengan notis secara bertulis, membatalkan pengecualian blok itu berkenaan dengan perjanjian itu dari tarikh pelanggaran itu;
- (b) jika terdapat suatu kegagalan untuk mematuhi obligasi yang dikenakan oleh pengecualian blok itu, Suruhanjaya boleh, dengan notis secara bertulis, membatalkan pengecualian blok itu berkenaan dengan perjanjian itu;
- (c) jika Suruhanjaya berpendapat bahawa suatu perjanjian tertentu bukan suatu perjanjian yang baginya seksyen 5 terpakai, Suruhanjaya boleh, dengan notis secara bertulis, membatalkan pengecualian blok itu berkenaan dengan perjanjian itu dari apa-apa tarikh yang ditentukan oleh Suruhanjaya;
- (d) pengecualian blok itu hendaklah terhenti berkuat kuasa pada penghujung tempoh yang dinyatakan dalam perintah itu; atau
- (e) pengecualian blok itu hendaklah berkuat kuasa dari suatu tarikh yang lebih awal daripada tarikh perintah itu dibuat.

Tatacara bagi pengecualian blok

9. Suruhanjaya hendaklah, sebelum memberikan suatu pengecualian blok—

- (a) menyiarkan butir-butir pengecualian blok yang dicadangkan oleh Suruhanjaya itu;
- (b) memberikan sekurang-kurangnya tiga puluh hari dari tarikh penyiaran untuk membenarkan apa-apa penghujahan dibuat oleh orang awam berhubungan dengan pengecualian blok yang dicadangkan itu; dan
- (c) memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada apa-apa penghujahan yang dibuat.

Bab 2

*Penyalahgunaan kedudukan dominan***Penyalahgunaan kedudukan dominan adalah dilarang**

10. (1) Suatu perusahaan adalah dilarang untuk terlibat, sama ada secara sendirian atau kolektif, dalam apa-apa perlakuan yang berupa suatu penyalahgunaan kedudukan dominan dalam mana-mana pasaran bagi barangan atau perkhidmatan.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), suatu penyalahgunaan kedudukan dominan boleh termasuk—

(a) secara langsung atau tidak langsung mengenakan harga belian atau jualan yang tidak adil atau syarat perdagangan lain yang tidak adil ke atas pembekal atau pelanggan;

(b) membataskan atau mengawal—

(i) pengeluaran;

(ii) saluran keluar pasaran atau capaian pasaran;

(iii) pembangunan teknikal atau teknologi; atau

(iv) pelaburan,

sehingga memudaratkan pengguna;

(c) enggan untuk membekalkan kepada suatu perusahaan atau kumpulan atau kategori perusahaan tertentu;

(d) mengenakan syarat yang berlainan kepada transaksi yang setara dengan pihak perdagangan yang lain ke suatu takat yang boleh—

(i) tidak menggalakkan kemasukan baru ke dalam pasaran atau pengembangan atau pelaburan oleh pesaing yang sedia ada;

(ii) memaksa keluar dari pasaran atau selainnya merosakkan secara serius seorang pesaing yang sedia ada yang tidak kurang cekapnya berbanding dengan perusahaan dalam kedudukan dominan itu; atau

(iii) memudaratkan persaingan dalam apa-apa pasaran yang disertai oleh perusahaan yang dominan itu atau dalam apa-apa pasaran hiliran atau huluan;

- (e) menjadikan pengikatan kontrak tertakluk kepada penerimaan oleh pihak lain akan syarat tambahan yang atas sifatnya atau menurut kegunaan komersial tidak mempunyai kaitan dengan hal perkara kontrak itu;
- (f) berkelakuan seakan pemangsa terhadap pesaing; atau
- (g) membeli barangan perantaraan atau sumber yang terhad bekalannya yang dikehendaki oleh seorang pesaing, dalam hal keadaan yang perusahaan dalam kedudukan dominan itu tidak mempunyai justifikasi komersial yang munasabah untuk membeli barangan perantaraan atau sumber itu untuk memenuhi keperluannya sendiri.

(3) Seksyen ini tidak melarang suatu perusahaan yang dalam kedudukan dominan daripada mengambil apa-apa langkah yang mempunyai justifikasi komersial yang munasabah atau merupakan suatu respons komersial yang munasabah kepada kemasukan ke dalam pasaran atau perlakuan pasaran seorang pesaing.

(4) Hakikat bahawa bahagian pasaran mana-mana perusahaan adalah mengatasi atau di bawah apa-apa peringkat tertentu tidak dengan sendirinya boleh dianggap sebagai konklusif tentang sama ada perusahaan itu berada, atau tidak berada, pada suatu kedudukan dominan dalam pasaran itu.

Bab 3

Kajian semula pasaran

Kuasa untuk menjalankan kajian semula pasaran

11. (1) Suruhanjaya boleh, atas inisiatifnya sendiri atau atas permintaan Menteri, menjalankan suatu kajian semula terhadap mana-mana pasaran untuk menentukan sama ada apa-apa ciri atau gabungan ciri pasaran itu menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan dalam pasaran.

(2) Kajian semula itu termasuklah kajian mengenai—

- (a) struktur pasaran yang berkenaan;
- (b) perlakuan perusahaan dalam pasaran;

- (c) perlakuan pembekal dan pelanggan kepada perusahaan dalam pasaran; atau
- (d) apa-apa perkara berkenaan yang lain.

Keputusan kajian semula pasaran

12. (1) Apabila selesai kajian semula pasaran itu, Suruhanjaya hendaklah menyiarkan laporan dapatan dan syornya.

(2) Laporan Suruhanjaya itu hendaklah dijadikan tersedia kepada orang awam.

Bab 4

Kecualian

Kecualian

13. (1) Larangan-larangan di bawah Bahagian II tidak terpakai bagi perkara-perkara yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(2) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual Kedua.

(3) Menteri hendaklah, sebelum membuat suatu pindaan kepada Jadual Kedua—

- (a) menyiarkan notis mengenai niatnya untuk membuat pindaan itu dan pindaan yang dicadangkan itu;
- (b) memberikan sekurang-kurangnya tiga puluh hari dari tarikh notis untuk membolehkan apa-apa penghujahan dibuat oleh orang awam berhubungan dengan pindaan yang dicadangkan itu; dan
- (c) memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada apa-apa penghujahan yang dibuat.

BAHAGIAN III

PENYIASATAN DAN PENGUATKUASAAN

Penyiasatan oleh Suruhanjaya

14. (1) Suruhanjaya boleh menjalankan apa-apa penyiasatan yang difikirkan suai manfaat oleh Suruhanjaya jika Suruhanjaya mempunyai sebab untuk mengesyaki bahawa mana-mana perusahaan telah melanggar atau sedang melanggar mana-mana larangan di bawah Akta ini atau mana-mana orang telah melakukan atau sedang melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini.

(2) Suruhanjaya hendaklah, atas arahan Menteri, menyiasat apa-apa pelanggaran yang disyaki terhadap mana-mana larangan atau pelakuan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

Aduan kepada Suruhanjaya

15. (1) Suruhanjaya boleh, apabila mendapat aduan daripada seseorang, menjalankan suatu penyiasatan ke atas mana-mana perusahaan, perjanjian atau perlakuan yang telah melanggar atau sedang melanggar mana-mana larangan di bawah Akta ini atau terhadap mana-mana orang yang telah melakukan atau sedang melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini.

(2) Aduan itu hendaklah menyatakan orang yang terhadapnya aduan itu dibuat dan butir-butir pelanggaran atau kesalahan yang dikatakan di bawah Akta ini.

Penutupan suatu penyiasatan

16. (1) Jika suatu aduan telah dibuat kepada Suruhanjaya di bawah seksyen 15 berhubung dengan suatu pelanggaran, Suruhanjaya boleh membuat siasatan tentang pengadu bagi maksud memutuskan sama ada Suruhanjaya patut, mengikut budi bicaranya, menyiasat perkara itu.

(2) Jika Suruhanjaya, selepas apa-apa siasatan yang disebut dalam subseksyen (1), memutuskan untuk tidak menyiasat aduan itu, ia hendaklah dengan secepat yang dapat dilaksanakan dan mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut, memberitahu pengadu tentang keputusan dan sebab-sebab bagi keputusan itu.

(3) Walau apa pun subseksyen (1) dan (2), Suruhanjaya boleh, selepas memutuskan untuk menyiasat aduan di bawah seksyen 15, pada bila-bila masa, memutuskan untuk menutup suatu penyiasatan terhadap suatu pelanggaran di bawah Akta ini, jika Suruhanjaya berpendapat bahawa—

- (a) adalah tidak sesuai untuk meneruskan penyiasatan oleh sebab peruntukan suatu aku janji menurut seksyen 43; atau
- (b) dalam semua hal keadaan itu penerusan penyiasatan tidak merupakan penggunaan terbaik sumber Suruhanjaya.

(4) Apabila memutuskan untuk menutup suatu penyiasatan, Suruhanjaya hendaklah menyiarkan suatu pernyataan bahawa penyiasatan telah ditutup, dan memberikan suatu ringkasan mengenai sebab Suruhanjaya menutup penyiasatan itu.

Kuasa penyiasatan

17. (1) Pegawai Suruhanjaya hendaklah mempunyai segala kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan di bawah Akta ini.

(2) Bagi mengelakkan keraguan, adalah diisytiharkan bahawa bagi maksud Akta ini, pegawai Suruhanjaya yang menyiasat apa-apa pelanggaran suatu kesalahan di bawah Akta ini hendaklah mempunyai segala atau mana-mana kuasa seorang pegawai polis berhubung dengan penyiasatan polis dalam kes boleh tangkap sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*].

Kuasa untuk menghendaki pemberian maklumat

18. (1) Suruhanjaya boleh, melalui notis secara bertulis, menghendaki mana-mana orang yang dipercayai oleh Suruhanjaya mengetahui fakta dan hal keadaan sesuatu kes itu—

- (a) supaya memberikan atau mengemukakan kepada Suruhanjaya, dalam tempoh dan mengikut cara yang dinyatakan dalam notis itu, apa-apa maklumat atau dokumen yang berkaitan dengan pelaksanaan kuasa dan fungsi Suruhanjaya; atau

- (b) supaya membuat suatu pernyataan kepada Suruhanjaya dengan memberikan suatu penjelasan tentang apa-apa maklumat atau dokumen yang disebut dalam perenggan (a) dalam tempoh dan mengikut cara yang dinyatakan dalam notis itu.

(2) Jika Suruhanjaya mengarahkan mana-mana orang supaya mengemukakan apa-apa dokumen di bawah subseksyen (1) dan orang itu tidak mempunyai jagaan dokumen itu, orang itu hendaklah—

- (a) menyatakan, sepanjang pengetahuan dan kepercayaannya, tempat di mana dokumen itu boleh dijumpai; dan
- (b) mengenal pasti, sepanjang pengetahuan dan kepercayaannya, orang terakhir yang mempunyai jagaan dokumen itu dan menyatakan, sepanjang pengetahuan dan kepercayaannya, tempat di mana orang yang terakhir disebut itu boleh dijumpai.

(3) Mana-mana orang yang dikehendaki atau diarahkan supaya memberikan maklumat di bawah subseksyen (1) atau (2) hendaklah memastikan bahawa maklumat yang diberikan adalah benar, tepat dan lengkap dan orang itu hendaklah memberikan suatu representasi nyata yang bermaksud sedemikian, termasuk suatu perisytiharan bahawa dia tidak tahu tentang apa-apa maklumat lain yang mungkin menjadikan maklumat yang diberikan itu tidak benar atau mengelirukan.

Suruhanjaya boleh memegang simpan dokumen

19. (1) Suruhanjaya boleh mengambil dan memegang simpan selama apa-apa tempoh yang difikirkannya perlu, milikan mana-mana dokumen yang diperolehi di bawah Bahagian ini.

(2) Orang yang memberikan dokumen itu berhak untuk dibekalkan, dengan secepat yang dapat dilaksanakan, suatu salinan yang diperakui sah oleh Suruhanjaya sebagai suatu salinan benar dokumen itu.

(3) Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang lain, salinan yang diperakui sah bagi dokumen itu hendaklah diterima sebagai keterangan seolah-olah salinan itu ialah dokumen asal.

(4) Jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa dokumen itu tidak lagi perlu dipegang simpan, Suruhanjaya boleh, dengan secepat yang dapat dilaksanakan, mengembalikan dokumen itu kepada orang yang memberikan dokumen itu.

Akses kepada rekod, dsb.

20. (1) Seseorang hendaklah, jika pada bila-bila masa diarahkan oleh Suruhanjaya, membenarkan Suruhanjaya akses kepada rekod, buku, akaun, atau benda lain bagi maksud menjalankan mana-mana fungsi atau kuasa Suruhanjaya di bawah Akta ini.

(2) Seseorang yang tidak mematuhi arahan di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Kerahsiaan

21. (1) Seseorang yang menzahirkan atau menggunakan apa-apa maklumat rahsia berkenaan dengan suatu perusahaan tertentu atau hal ehwal seseorang individu yang diperoleh menurut kuasa mana-mana peruntukan Akta ini melakukan suatu kesalahan.

(2) Tiada apa pun dalam subseksyen (1) boleh berkuat kuasa untuk menghalang penzahiran maklumat jika—

- (a) penzahiran itu dibuat dengan persetujuan orang yang daripadanya maklumat itu diperoleh;
- (b) penzahiran itu adalah perlu bagi pelaksanaan fungsi atau kuasa Suruhanjaya;
- (c) penzahiran itu dibuat secara munasabah semasa apa-apa prosiding di bawah Akta ini dengan syarat bahawa penzahiran itu tidak dibuat berlawanan dengan apa-apa arahan Suruhanjaya atau Tribunal Rayuan Persaingan di hadapannya prosiding itu berjalan;
- (d) penzahiran itu dibuat berkaitan dengan suatu penyiasatan terhadap suatu pelanggaran atau suatu kesalahan di bawah Akta ini; atau

- (e) penzahiran itu dibuat dengan kebenaran Suruhanjaya kepada mana-mana pihak berkuasa persaingan negara lain berkaitan dengan suatu permintaan oleh pihak berkuasa persaingan negara itu untuk bantuan.

(3) Bagi maksud seksyen ini, “maklumat rahsia” ertinya maklumat perdagangan, perniagaan atau perindustrian yang dipunyai oleh mana-mana orang, yang mempunyai nilai ekonomi dan tidak tersedia secara amnya kepada atau diketahui oleh orang lain.

Komunikasi terlindung

22. (1) Tiada seorang pun boleh dikehendaki, di bawah mana-mana peruntukan Bahagian ini, supaya memberikan atau menzahirkan apa-apa komunikasi antara seorang penasihat undang-undang profesional dengan pelanggannya yang dilindungi daripada penzahiran mengikut seksyen 126 Akta Keterangan 1950.

(2) Jika—

- (a) Suruhanjaya membuat suatu kehendak di bawah seksyen 18 terhadap seorang peguam bela dan peguam cara berkenaan dengan apa-apa maklumat atau dokumen; dan
- (b) maklumat atau dokumen itu mengandungi komunikasi terlindung yang dibuat oleh atau bagi pihak atau kepada peguam bela dan peguam cara itu atas sifatnya sebagai seorang peguam bela dan peguam cara,

peguam bela dan peguam cara itu berhak untuk enggan mematuhi kehendak itu melainkan jika orang yang kepadanya atau olehnya atau bagi pihaknya komunikasi itu dibuat atau, jika orang itu ialah pertubuhan perbadanan yang di bawah penerimaan atau sedang digulung, penerima atau pelikuidasi, mengikut mana-mana yang berkenaan, bersetuju supaya peguam bela dan peguam cara itu mematuhi kehendak itu, tetapi jika peguam bela dan peguam cara itu enggan mematuhi kehendak sedemikian, peguam bela dan peguam cara itu hendaklah dengan segera memberi Suruhanjaya secara bertulis nama dan alamat orang yang kepadanya atau olehnya komunikasi itu dibuat.

Memberikan maklumat, keterangan atau dokumen palsu atau mengelirukan

23. Seseorang yang tidak menzahirkan atau tidak memberikan apa-apa maklumat atau keterangan atau dokumen yang berkaitan, atau memberikan apa-apa maklumat, keterangan atau dokumen yang dia tahu atau mempunyai sebab untuk mempercayai adalah palsu atau mengelirukan, sebagai respons kepada suatu arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya, melakukan suatu kesalahan.

Pemusnahan, penyembunyian, pencacatan atau pengubahan rekod, dsb.

24. Seseorang yang—

- (a) memusnahkan, menyembunyikan, mencacatkan atau mengubah; atau
- (b) menghantar atau cuba untuk menghantar atau berkomplot dengan mana-mana orang lain untuk mengalihkan dari premisnya atau menghantar keluar dari Malaysia,

apa-apa rekod, buku, akaun, dokumen, data berkomputer atau benda lain yang disimpan atau disenggarakan dengan niat untuk memfraud Suruhanjaya atau untuk menghalang, melengahkan atau menggagalkan perjalanan suatu penyiasatan atau perjalanan mana-mana kuasa Suruhanjaya di bawah Akta ini melakukan suatu kesalahan.

Pengeledahan dan penyitaan dengan waran

25. (1) Jika ternyata pada seseorang Majistret, berdasarkan maklumat bertulis dengan bersumpah daripada pegawai Suruhanjaya dan selepas apa-apa siasatan sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Majistret, bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa—

- (a) mana-mana premis telah digunakan bagi; atau
- (b) ada di dalam mana-mana premis keterangan yang perlu untuk menjalankan suatu penyiasatan mengenai,

pelanggaran mana-mana larangan atau pelakuan suatu kesalahan di bawah Akta ini, Majistret boleh mengeluarkan suatu waran yang memberi kuasa pegawai Suruhanjaya yang dinamakan dalam waran itu pada bila-bila masa yang munasabah pada waktu siang atau malam dan dengan atau tanpa bantuan, untuk memasuki premis itu dan jika perlu dengan menggunakan kekerasan.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), waran yang dikeluarkan oleh Majistret boleh memberi kuasa penggeledahan dan penyitaan mana-mana rekod, buku, akaun, dokumen, data berkomputer atau benda lain yang mengandungi atau yang semunasabahnya disyaki mengandungi maklumat tentang apa-apa pelanggaran atau kesalahan yang disyaki telah dilakukan.

(3) Seorang pegawai Suruhanjaya yang menjalankan suatu penggeledahan di bawah subseksyen (1) boleh, bagi maksud menyiasat pelanggaran atau kesalahan itu, memeriksa mana-mana orang yang berada di dalam atau di premis itu.

(4) Seorang pegawai Suruhanjaya yang membuat pemeriksaan terhadap seseorang di bawah subseksyen (3) boleh menyita atau mengambil milik, dan menyimpan dalam jagaan selamat semua benda selain pakaian yang perlu yang dijumpai pada orang itu, dan apa-apa benda sedemikian yang mengenainya ada sebab untuk mempercayai bahawa benda itu merupakan peralatan atau keterangan lain mengenai pelanggaran atau kesalahan itu boleh ditahan sehingga orang itu dilepaskan atau dibebaskan.

(5) Apabila perlu untuk menyebabkan seseorang perempuan diperiksa, pemeriksaan itu hendaklah dilakukan oleh seorang perempuan lain dengan penuh kesopanan.

(6) Jika, oleh sebab sifat, saiz atau amaunnya, pemindahan mana-mana rekod, buku, akaun, dokumen, data berkomputer atau benda lain yang disita di bawah seksyen ini tidak dapat dilaksanakan, pegawai Suruhanjaya hendaklah dengan apa-apa cara mengelak rekod, buku, akaun, dokumen, data berkomputer atau benda lain itu di dalam premis atau bekas yang di dalamnya ia dijumpai.

(7) Seseorang yang, tanpa kuasa yang sah, memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang disebut dalam subseksyen (6) atau memindahkan mana-mana rekod, buku, akaun, dokumen, data berkomputer atau benda lain yang dilak atau cuba untuk berbuat demikian melakukan suatu kesalahan.

Pengeledahan dan penyitaan tanpa waran

26. Jika seorang pegawai Suruhanjaya berpuas hati atas maklumat yang diterima bahawa dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa oleh sebab kelengahan dalam memperoleh suatu waran geledah di bawah seksyen 25 penyiasatan akan terjejas atau keterangan pelakuan suatu pelanggaran atau kesalahan mungkin diganggu, dipindahkan, dirosakkan atau dimusnahkan, pegawai Suruhanjaya itu boleh memasuki premis itu dan menjalankan di dalam, pada dan berkenaan dengan premis itu semua kuasa yang disebut dalam seksyen 25 dengan cara yang sepenuhnya dan secukupnya seolah-olah dia diberi kuasa untuk berbuat demikian oleh suatu waran yang dikeluarkan di bawah seksyen itu.

Capaian kepada data berkomputer

27. (1) Mana-mana pegawai Suruhanjaya yang menjalankan suatu pengeledahan di bawah Akta ini hendaklah diberi capaian kepada data berkomputer sama ada disimpan dalam suatu komputer atau selainnya.

(2) Bagi maksud seksyen ini, pegawai Suruhanjaya hendaklah diberi kata laluan, kod penyulitan, kod penyahsulitan, perisian atau perkakasan yang perlu atau apa-apa cara lain yang dikehendaki bagi capaiannya untuk membolehkan pemahaman data berkomputer itu.

Waran boleh diterima walaupun cacat

28. Suatu waran geledah yang dikeluarkan di bawah Akta ini adalah sah dan boleh dikuatkuasakan walau apa pun apa-apa kecacatan, kesilapan atau peninggalan dalamnya atau dalam permohonan bagi waran itu dan mana-mana rekod, buku, akaun, dokumen, data berkomputer atau benda lain yang disita di bawah waran itu hendaklah boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di bawah Akta ini.

Senarai rekod, buku, akaun, dsb., yang disita

29. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (2), jika mana-mana rekod, buku, akaun, dokumen, data berkomputer atau benda lain disita menurut Akta ini, pegawai Suruhanjaya yang membuat penyitaan itu—

(a) hendaklah menyediakan—

- (i) suatu senarai rekod, buku, akaun, dokumen, data berkomputer atau benda lain yang disita itu dan hendaklah menandatangani senarai itu; dan
- (ii) suatu notis bertulis mengenai penyitaan itu yang mengandungi alasan bagi penyitaan itu dan hendaklah menandatangani notis itu; dan

(b) hendaklah dengan secepat yang dapat dilaksanakan menyampaikan suatu salinan senarai rekod, buku, akaun, dokumen, data berkomputer atau benda lain yang disita dan notis bertulis mengenai penyitaan itu kepada penghuni premis yang telah digeledah itu, atau kepada ejen atau pekhidmatnya di dalam premis itu.

(2) Notis bertulis mengenai penyitaan itu tidak dikehendaki supaya disampaikan menurut perenggan (1)(b) jika penyitaan itu dibuat dengan kehadiran orang yang terhadapnya prosiding di bawah Akta ini dicadangkan untuk diambil, atau dengan kehadiran pemunya harta sedemikian atau ejennya, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Jika premis itu tidak diduduki, pegawai Suruhanjaya hendaklah menampalkan suatu salinan senarai rekod, buku, akaun, dokumen, data berkomputer atau benda lain yang disita itu di tempat yang mudah dilihat di premis itu.

Pelepasan rekod, buku, akaun, dsb., yang disita

30. Jika mana-mana rekod, buku, akaun, dokumen, data berkomputer atau benda lain telah disita di bawah Akta ini, pegawai Suruhanjaya yang membuat penyitaan itu boleh melepaskan rekod, buku, akaun, dokumen, data berkomputer atau benda lain itu kepada orang yang ditentukan olehnya sebagai berhak secara sah kepadanya, jika rekod, buku, akaun, dokumen, data berkomputer atau benda lain itu tidak dikehendaki selainnya bagi maksud apa-apa prosiding di

bawah Akta ini atau bagi maksud apa-apa pendakwaan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain, dan sekiranya sedemikian pegawai Suruhanjaya yang membuat penyitaan itu, Kerajaan Persekutuan, Suruhanjaya atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Kerajaan Persekutuan atau Suruhanjaya tidak boleh dikenakan apa-apa prosiding oleh mana-mana orang jika penyitaan dan pelepasan rekod, buku, akaun, dokumen, data berkomputer atau benda lain itu telah dibuat dengan suci hati.

Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan

31. Tiada seorang pun boleh, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan mana-mana rekod, buku, akaun, dokumen, data berkomputer atau benda lain yang disita pada menjalankan atau yang berupa sebagai menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah Akta ini, berhak kepada kos prosiding itu atau kepada apa-apa ganti rugi atau relief lain melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

Halangan

32. Mana-mana orang yang—

- (a) enggan untuk memberi mana-mana pegawai Suruhanjaya akses kepada mana-mana premis yang pegawai Suruhanjaya itu berhak kepadanya di bawah Akta ini atau dalam melaksanakan apa-apa kewajipan yang dikenakan atau kuasa yang diberikan oleh Akta ini; atau
- (b) mengamang, menggalang, menghalang atau melengahkan mana-mana pegawai Suruhanjaya dalam membuat apa-apa kemasukan yang pegawai Suruhanjaya itu berhak membuatnya di bawah Akta ini, atau dalam melaksanakan apa-apa kewajipan yang dikenakan atau kuasa yang diberikan oleh Akta ini,

melakukan suatu kesalahan.

Pemberian maklumat

33. (1) Mana-mana orang yang—

- (a) mengetahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mengesyaki bahawa seseorang pegawai Suruhanjaya sedang bertindak, atau bercadang untuk bertindak, berkaitan dengan suatu penyiasatan yang sedang, atau akan, dijalankan di bawah atau bagi maksud Akta ini dan menzahirkan kepada mana-mana orang lain maklumat atau apa-apa perkara lain yang mungkin akan menjejaskan penyiasatan itu atau penyiasatan yang dicadangkan itu; atau
- (b) mengetahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mengesyaki bahawa suatu penzahiran telah dibuat kepada seorang pegawai Suruhanjaya di bawah Akta ini dan menzahirkan kepada mana-mana orang lain maklumat atau apa-apa perkara lain yang mungkin menjejaskan apa-apa penyiasatan yang mungkin dijalankan berikutan dengan penzahiran itu,

melakukan suatu kesalahan.

(2) Tiada apa pun dalam subseksyen (1) menjadikan suatu kesalahan bagi seseorang peguam bela dan peguam cara atau pekerjaannya untuk menzahirkan apa-apa maklumat atau perkara lain—

- (a) kepada pelanggannya atau wakil pelanggannya berkaitan dengan pemberian nasihat kepada pelanggan itu dalam perjalanan dan bagi maksud khidmat profesional peguam bela dan peguam cara itu; atau
- (b) kepada mana-mana orang pada menjangkakan, atau berkaitan dengan dan bagi maksud, apa-apa prosiding undang-undang.

(3) Subseksyen (2) tidaklah terpakai berhubung dengan apa-apa maklumat atau perkara lain yang dizahirkan dengan tujuan untuk melaksanakan apa-apa maksud yang menyalahi undang-undang.

(4) Dalam prosiding terhadap seseorang bagi suatu kesalahan di bawah seksyen ini, menjadi pembelaan jika orang itu membuktikan bahawa—

- (a) dia tidak mengetahui atau mengesyaki bahawa penzahiran yang dibuat di bawah perenggan (1)(b) berkemungkinan menjejaskan penyiasatan itu; atau
- (b) dia mempunyai kuasa sah atau alasan munasabah untuk membuat penzahiran itu.

Ancaman dan tindakan balas dilarang

34. (1) Tiada seorang pun boleh—

- (a) memaksa atau cuba untuk memaksa mana-mana orang untuk menahan diri daripada melakukan apa-apa perbuatan yang disebut dalam subseksyen (3); atau
- (b) menjadikan mana-mana orang tertakluk kepada apa-apa keadaan merugikan dari segi komersial atau lain sebagai tindakan balas terhadap orang itu kerana melakukan apa-apa perbuatan yang disebut dalam subseksyen (3).

(2) Bagi maksud dan tanpa menjejaskan keluasan perenggan (1)(b), keadaan merugikan dari segi komersial atau lain itu boleh termasuk suatu ancaman pembayaran lewat untuk amaun yang kena dibayar dengan sewajarnya kepada orang itu, pembawaan atau perjalanan dengan tidak munasabah litigasi terhadap orang itu, pembatalan pesanan dengan orang itu, atau pengalihan perniagaan daripada, atau keengganan untuk berdagang dengan, orang itu.

(3) Perbuatan-perbuatan yang disebut dalam subseksyen (1) adalah seperti yang berikut:

- (a) membuat suatu aduan kepada Suruhanjaya di bawah seksyen 15; dan
- (b) bekerjasama dengan, atau menawarkan atau bersetuju untuk bekerjasama dengan, Suruhanjaya berkaitan dengan apa-apa penyiasatan oleh Suruhanjaya.

(4) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN IV

KEPUTUSAN OLEH SURUHANJAYA

Langkah interim

35. (1) Seksyen ini terpakai jika Suruhanjaya telah memulakan tetapi belum menyelesaikan suatu penyiasatan di bawah seksyen 14.

(2) Jika Suruhanjaya mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana larangan di bawah Akta ini telah dilanggar atau mungkin dilanggar dan Suruhanjaya berpendapat bahawa adalah perlu baginya untuk bertindak di bawah seksyen ini oleh sebab perkara keterdesakan bagi maksud—

- (a) menghalang kerugian serius dan tidak boleh dibaiki dari segi ekonomi atau selainnya, kepada seseorang atau suatu kategori orang tertentu; atau
- (b) melindungi kepentingan awam,

ia boleh memberikan suatu arahan yang difikirkannya sesuai dan bersekadar bagi maksud itu.

(3) Suatu arahan yang diberikan di bawah subseksyen (2) boleh termasuk menghendaki atau menyebabkan mana-mana orang—

- (a) untuk menggantung kuat kuasa, dan menghentikan daripada bertindak mengikut, mana-mana perjanjian yang disyaki melanggar mana-mana larangan di bawah Bahagian II;
- (b) untuk menghentikan daripada apa-apa perlakuan yang disyaki melanggar mana-mana larangan di bawah Bahagian II; atau
- (c) untuk membuat, atau menahan diri daripada membuat, apa-apa perbuatan, tetapi yang tidak menghendaki pembayaran wang.

(4) Suruhanjaya hendaklah, sebelum memberikan suatu arahan di bawah subseksyen (2)—

- (a) menyampaikan suatu notis bertulis kepada orang yang kepadanya ia bercadang untuk memberikan arahan itu; dan

(b) memberi orang itu suatu peluang untuk membuat representasi bertulis dalam tempoh sekurang-kurangnya tujuh hari dari tarikh notis bertulis itu.

(5) Suatu notis di bawah subseksyen (4) hendaklah menunjukkan jenis arahan yang dicadangkan untuk diberikan oleh Suruhanjaya dan sebab-sebab bagi pemberian arahan itu.

(6) Suruhanjaya boleh pada bila-bila masa menarik balik suatu arahan yang diberikan di bawah subseksyen (2).

(7) Tanpa menjejaskan subseksyen (6), mana-mana arahan yang diberikan di bawah subseksyen (2) hendaklah terhenti berkuat kuasa—

(a) pada tarikh keputusan oleh Suruhanjaya selepas selesai siasatan di bawah seksyen 14; atau

(b) dua belas bulan dari tarikh arahan itu diberikan,

mengikut mana-mana yang lebih awal.

Keputusan yang dicadangkan oleh Suruhanjaya

36. (1) Jika, selepas selesai penyiasatan, Suruhanjaya bercadang untuk membuat suatu keputusan bahawa salah satu larangan di bawah Bahagian II telah atau sedang dilanggar, Suruhanjaya hendaklah memberikan notis bertulis mengenai keputusan yang dicadangkannya kepada setiap perusahaan yang mungkin tersentuh secara langsung oleh keputusan itu.

(2) Notis itu hendaklah—

(a) menyatakan sebab bagi keputusan yang dicadangkan oleh Suruhanjaya dengan perincian yang mencukupi bagi membolehkan perusahaan yang kepadanya notis itu diberikan mempunyai prospek yang benar dan mencukupi untuk membolehkannya membuat komen mengenai keputusan yang dicadangkan berdasarkan maklumat yang diketahui;

(b) menyatakan apa-apa penalti atau tindakan pembedahan yang dicadangkan untuk dipakai oleh Suruhanjaya; dan

- (c) memberitahu setiap perusahaan yang kepadanya notis itu diberikan bahawa ia boleh, dalam apa-apa tempoh yang munasabah sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu—
- (i) mengemukakan representasi bertulis kepada Suruhanjaya; dan
 - (ii) menunjukkan sama ada ia berhasrat untuk membuat representasi lisan di hadapan Suruhanjaya.

Representasi lisan

37. Jika suatu perusahaan memberitahu Suruhanjaya, dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis yang diberikan di bawah seksyen 36 bahawa ia berhasrat untuk membuat suatu representasi lisan, Suruhanjaya hendaklah, sebelum membuat apa-apa keputusan yang berkaitan—

- (a) memanggil suatu sesi bagi representasi lisan untuk diadakan pada suatu tarikh, masa dan di tempat yang ditentukan oleh Suruhanjaya; dan
- (b) memberikan notis bertulis tentang tarikh, masa dan tempat itu kepada—
 - (i) perusahaan yang berkenaan;
 - (ii) mana-mana orang yang telah membuat suatu aduan dengan Suruhanjaya berkenaan dengan amalan yang menjadi perkara penyiasatan Suruhanjaya; dan
 - (iii) mana-mana orang lain yang kehadirannya di sesi representasi lisan itu dianggap perlu oleh Suruhanjaya.

Penjalanan pendengaran

38. (1) Walau apa pun seksyen 37, Suruhanjaya boleh pada bila-bila masa menjalankan suatu pendengaran bagi maksud menentukan sama ada suatu perusahaan telah melanggar atau sedang melanggar mana-mana larangan di bawah Bahagian II.

(2) Jika Suruhanjaya memutuskan bahawa suatu pendengaran hendaklah diadakan, ia hendaklah memberikan suatu notis sekurang-kurangnya empat belas hari kepada perusahaan yang berkenaan dan kepada pihak ketiga lain yang berkepentingan—

- (a) yang merekodkan keputusannya untuk memanggil pendengaran itu;
- (b) yang menyatakan tarikh, masa dan tempat bagi mengadakan pendengaran itu; dan
- (c) yang menentukan perkara yang akan dipertimbangkan pada pendengaran itu.

(3) Apabila Suruhanjaya memutuskan untuk mengadakan suatu pendengaran, ia hendaklah juga memutuskan—

- (a) sama ada untuk mengadakan pendengaran individu dengan setiap perusahaan dan mana-mana pihak ketiga lain yang berkepentingan secara berasingan atau mengadakan suatu pendengaran tunggal yang dihadiri oleh semua perusahaan yang terlibat dan pihak ketiga yang berkepentingan; dan
- (b) sama ada untuk mengadakan pendengaran—
 - (i) awam; atau
 - (ii) secara sesi tertutup, bagi maksud melindungi maklumat rahsia.

(4) Pendengaran itu hendaklah ditadbirkan oleh dan dijalankan mengikut kaedah-kaedah tatacara yang berkuat kuasa pada masa itu, sebagaimana yang disiarkan oleh Suruhanjaya.

(5) Suruhanjaya hendaklah menyimpan rekod pendengaran itu sebagaimana yang mencukupi untuk menyatakan perkara yang dibangkitkan oleh mana-mana orang yang menyertai pendengaran itu.

(6) Suatu perusahaan boleh diwakili pada pendengaran itu oleh—

- (a) mana-mana pegawai atau pekerjanya yang diberi kuasa;
- (b) mana-mana peguam bela dan peguam cara;

- (c) mana-mana orang yang termasuk dalam perihalan yang dinyatakan bagi maksud itu dalam kaedah-kaedah tatacara Suruhanjaya; atau
- (d) mana-mana orang lain, dengan keizinan Pengerusi.

Dapatan tiada pelanggaran

39. Jika Suruhanjaya telah membuat keputusan bahawa tiada pelanggaran suatu larangan di bawah Bahagian II, Suruhanjaya hendaklah, tanpa kelengahan, memberikan notis keputusan itu kepada mana-mana orang yang tersentuh oleh keputusan itu menyatakan fakta yang berasaskannya Suruhanjaya membuat keputusannya dan sebab Suruhanjaya membuat keputusan itu.

Dapatan pelanggaran

40. (1) Jika Suruhanjaya memutuskan bahawa terdapat suatu pelanggaran suatu larangan di bawah Bahagian II, ia—

- (a) hendaklah menghendaki pelanggaran itu dihentikan serta-merta;
- (b) boleh menyatakan langkah-langkah dikehendaki supaya perlu diambil oleh perusahaan yang melanggar, yang pada hemat Suruhanjaya adalah sesuai bagi menghentikan pelanggaran itu;
- (c) boleh mengenakan penalti kewangan; atau
- (d) boleh memberikan apa-apa arahan lain yang difikirkannya sesuai.

(2) Suruhanjaya hendaklah, dalam tempoh empat belas hari dari membuat keputusannya di bawah Bahagian ini, memberitahu mana-mana orang yang tersentuh oleh keputusan itu.

(3) Suruhanjaya hendaklah menyediakan dan menyiarkan sebab-sebab bagi setiap keputusan yang dibuatnya di bawah seksyen ini.

(4) Suatu penalti kewangan tidak boleh melebihi sepuluh peratus daripada pusing ganti seluruh dunia suatu perusahaan sepanjang tempoh suatu pelanggaran berlaku.

Rejim kelonggaran

41. (1) Maka hendaklah ada suatu rejim kelonggaran, dengan suatu penurunan sehingga maksimum seratus peratus bagi apa-apa penalti yang akan dikenakan selainnya, yang boleh diadakan dalam kes perusahaan yang telah—

- (a) mengakui penglibatannya dalam suatu pelanggaran mana-mana larangan di bawah subseksyen 4(2); dan
- (b) memberikan maklumat atau bentuk kerjasama yang lain kepada Suruhanjaya yang membantu secara signifikan, atau mungkin membantu secara signifikan, dalam pengenalpastian atau penyiasatan apa-apa dapatan pelanggaran mana-mana larangan oleh mana-mana perusahaan yang lain.

(2) Suatu rejim kelonggaran boleh membenarkan peratusan pengurangan yang berlainan diadakan bagi sesuatu perusahaan bergantung pada—

- (a) sama ada perusahaan itu ialah orang yang pertama sekali membawa pelanggaran yang disyaki itu kepada perhatian Suruhanjaya;
- (b) peringkat dalam penyiasatan apabila—
 - (i) suatu penglibatan dalam pelanggaran itu diakui; atau
 - (ii) apa-apa maklumat atau kerjasama lain telah diberikan; atau
- (c) apa-apa hal keadaan lain yang difikirkan sesuai oleh Suruhanjaya untuk diambil kira.

Penguatkuasaan arahan atau keputusan

42. (1) Suruhanjaya boleh membawa prosiding di hadapan Mahkamah Tinggi terhadap mana-mana orang yang tidak mematuhi suatu arahan yang diberikan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 35 atau suatu keputusan di bawah seksyen 40.

(2) Jika Mahkamah Tinggi mendapati bahawa orang yang disebut dalam subseksyen (1) telah tidak mematuhi arahan atau keputusan itu, Mahkamah Tinggi hendaklah membuat suatu perintah menghendaki orang itu supaya mematuhi arahan atau keputusan itu.

(3) Bagi maksud subseksyen (2), jika Mahkamah Tinggi mendapati bahawa ketidakpatuhan arahan itu termasuklah suatu kegagalan untuk membayar penalti dalam tempoh yang dinyatakan, Mahkamah Tinggi hendaklah, sebagai tambahan kepada perintah supaya orang itu membayar penalti itu, memerintahkan supaya orang itu membayar bunga atas kadar penghakiman biasa mulai dari hari selepas bayaran itu kena dibuat.

(4) Mana-mana pelanggaran suatu perintah Mahkamah Tinggi yang dibuat menurut seksyen ini boleh dihukum sebagai suatu penghinaan mahkamah.

Kuasa untuk menerima aku janji

43. (1) Suruhanjaya boleh, tertakluk kepada syarat-syarat yang boleh dikenakan oleh Suruhanjaya, menerima daripada suatu perusahaan suatu aku janji untuk membuat atau menahan diri daripada membuat apa-apa jua yang difikirkan sesuai oleh Suruhanjaya.

(2) Jika Suruhanjaya menerima aku janji di bawah subseksyen (1), Suruhanjaya hendaklah, berhubung dengan suatu pelanggaran, menutup penyiasatan itu tanpa membuat apa-apa dapatan pelanggaran dan tidak boleh mengenakan suatu penalti ke atas perusahaan itu.

(3) Mana-mana aku janji yang diterima oleh Suruhanjaya di bawah seksyen ini ialah suatu dokumen yang tersedia untuk diperiksa oleh orang awam mengikut cara yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(4) Peruntukan mana-mana aku janji yang diterima oleh Suruhanjaya di bawah seksyen ini hendaklah boleh dikuatkuasakan oleh Suruhanjaya seolah-olah peruntukan itu telah dinyatakan dalam suatu keputusan yang diberikan kepada perusahaan yang memberikan aku janji itu menurut seksyen 40.

BAHAGIAN V

TRIBUNAL RAYUAN PERSAINGAN

Penubuhan Tribunal Rayuan Persaingan

44. Suatu Tribunal Rayuan Persaingan ditubuhkan, yang mempunyai bidang kuasa eksklusif untuk mengkaji semula apa-apa keputusan yang dibuat oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 35, 39 dan 40.

Keanggotaan Tribunal Rayuan Persaingan

45. (1) Tribunal Rayuan Persaingan hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

(a) seorang Presiden; dan

(b) antara tujuh hingga dua puluh anggota lain yang dilantik oleh Perdana Menteri atas syor Menteri.

(2) Perdana Menteri hendaklah, atas syor Menteri, atas penamaan oleh Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan, melantik seorang hakim Mahkamah Tinggi untuk menjadi Presiden Tribunal Rayuan Persaingan.

(3) Perdana Menteri hendaklah melantik orang yang, pada pendapatnya, mempunyai kepakaran yang berkaitan dalam perindustrian, perdagangan, ekonomi, undang-undang, perakaunan, atau hal ehwal pengguna untuk menjadi anggota Tribunal Rayuan Persaingan.

(4) Dalam mengesyorkan anggota Tribunal Rayuan Persaingan kepada Perdana Menteri, Menteri hendaklah mengambil kira cadangan dan syor oleh mana-mana agensi Kerajaan atau mana-mana badan lain yang mempunyai kepakaran dalam mana-mana perkara yang disebut dalam subseksyen (3).

(5) Presiden dan anggota Tribunal Rayuan Persaingan hendaklah memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi enam tahun.

Elaun

46. Presiden dan anggota Tribunal Rayuan Persaingan yang dilantik di bawah seksyen 45 bolehlah dibayar—

- (a) suatu elaun bersidang harian semasa persidangan Tribunal Rayuan Persaingan;
- (b) suatu elaun penginapan, perjalanan dan sara hidup; dan
- (c) apa-apa elaun tetap atau elaun lain,

sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

Peletakan jawatan dan pembatalan pelantikan

47. (1) Presiden atau mana-mana anggota lain Tribunal Rayuan Persaingan boleh meletakkan jawatannya dengan memberikan notis bertulis enam puluh hari kepada Perdana Menteri.

(2) Perdana Menteri boleh pada bila-bila masa membatalkan pelantikan Presiden atau mana-mana anggota lain Tribunal Rayuan Persaingan jika—

- (a) dia tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya untuk melaksanakan tugasnya atau menguruskan hal ehwalnya;
- (b) dia menjadi bankrap atau tidak solven;
- (c) telah dibuktikan terhadapnya, atau dia telah disabitkan atas, suatu pertuduhan berkenaan dengan—
 - (i) suatu kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;
 - (ii) suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah; atau
 - (iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti denda) selama lebih daripada dua tahun;
- (d) dia telah melakukan salah laku yang serius berhubung dengan tugasnya;

- (e) dia tidak mematuhi obligasinya di bawah seksyen 49; atau
- (f) prestasinya tidak memuaskan selama suatu tempoh masa yang ketara.

Pengosongan jawatan dan pelantikan baru atau sementara

48. (1) Jawatan Presiden atau mana-mana anggota lain Tribunal Rayuan Persaingan hendaklah menjadi kosong jika—

- (a) dia mati;
- (b) dia meletakkan jawatannya atau selainnya mengosongkan jawatannya sebelum habis tempoh yang baginya dia dilantik; atau
- (c) pelantikannya dibatalkan di bawah seksyen 47.

(2) Perdana Menteri hendaklah melantik seseorang lain mengikut seksyen 45 untuk menggantikan Presiden atau mana-mana anggota lain Tribunal Rayuan Persaingan semasa kekosongan jawatan Presiden atau anggota Tribunal Rayuan Persaingan.

(3) Perdana Menteri boleh melantik seseorang lain secara sementara mengikut seksyen 45 untuk bertindak sebagai Presiden atau mana-mana anggota lain Tribunal Rayuan Persaingan—

- (a) semasa apa-apa tempoh apabila Presiden atau anggota tidak hadir bertugas atau tidak ada di Malaysia; atau
- (b) jika Presiden atau anggota, kerana apa-apa sebab lain, tidak berupaya untuk melaksanakan tugas jawatannya secara sementara.

(4) Tiada perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang diambil oleh Tribunal Rayuan Persaingan dalam perjalanan kuasanya atau pelaksanaan fungsinya boleh terjejas atas alasan terdapat apa-apa kekosongan dalam keanggotaan Tribunal Rayuan Persaingan.

Penzahiran kepentingan

49. (1) Seseorang anggota Tribunal Rayuan Persaingan hendaklah menzahirkan, dengan secepat yang dapat dilaksanakan, kepada Presiden mengenai apa-apa kepentingan, sama ada substansial

atau tidak, yang mungkin bercanggah dengan tugas anggota itu sebagai anggota Tribunal Rayuan Persaingan dalam sesuatu perkara tertentu.

(2) Jika Presiden berpendapat bahawa kepentingan anggota itu bercanggah dengan tugas anggota itu sebagai anggota Tribunal Rayuan Persaingan, Presiden hendaklah memaklumkan semua pihak kepada perkara itu mengenai percanggahan itu.

(3) Jika tiada pihak kepada perkara itu membantah mengenai percanggahan itu, anggota itu boleh terus melaksanakan tugasnya sebagai anggota Tribunal Rayuan Persaingan berhubung dengan perkara itu.

(4) Jika sesuatu pihak kepada perkara itu membantah mengenai percanggahan itu, anggota Tribunal Rayuan Persaingan itu tidak boleh meneruskan pelaksanaan tugasnya sebagai anggota Tribunal Rayuan Persaingan berhubung dengan perkara itu.

(5) Jika anggota itu dilarang daripada melaksanakan tugasnya di bawah subseksyen (4), Presiden hendaklah melantik seorang anggota lain Tribunal Rayuan Persaingan untuk melaksanakan tugas berhubung dengan perkara itu.

(6) Jika Presiden mempunyai apa-apa kepentingan, sama ada substansial atau tidak, yang mungkin bercanggah dengan tugasnya sebagai Presiden Tribunal Rayuan Persaingan dalam sesuatu perkara tertentu, dia hendaklah menahan diri daripada melaksanakan tugasnya sebagai Presiden berhubung dengan perkara itu.

(7) Kegagalan Presiden untuk menahan diri daripada melaksanakan tugasnya di bawah subseksyen (6) atau kegagalan seorang anggota untuk menzahirkan kepentingannya hendaklah—

- (a) menidaksahkan keputusan Tribunal Rayuan Persaingan itu melainkan jika semua pihak bersetuju untuk terikat dengan keputusan itu; dan
- (b) menjadikan Presiden atau anggota itu tertakluk kepada pembatalan pelantikannya di bawah seksyen 47.

Setiausaha Tribunal Rayuan Persaingan dan pegawai lain

50. (1) Menteri hendaklah melantik seorang Setiausaha Tribunal Rayuan Persaingan.

(2) Menteri boleh menetapkan apa-apa bilangan pegawai awam yang difikirkannya layak untuk membantu Setiausaha.

(3) Bagi maksud Akta ini, Setiausaha dan pegawai yang ditetapkan di bawah subseksyen (2) hendaklah disifatkan sebagai pegawai Tribunal Rayuan Persaingan.

Rayuan kepada Tribunal Rayuan Persaingan

51. (1) Seseorang yang terkilan atau yang kepentingannya tersentuh oleh suatu keputusan Suruhanjaya di bawah seksyen 35, 39 atau 40 boleh merayu kepada Tribunal Rayuan Persaingan dengan memfailkan suatu notis rayuan kepada Tribunal Rayuan Persaingan.

(2) Suatu notis rayuan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Tribunal Rayuan Persaingan dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh keputusan Suruhanjaya dan perayu hendaklah memberikan suatu salinan notis itu kepada Pengerusi Suruhanjaya.

(3) Notis rayuan itu hendaklah menyatakan dalam bentuk ringkasan kandungan keputusan Suruhanjaya yang dirayukan, hendaklah mengandungi suatu alamat di mana apa-apa notis atau dokumen yang berkaitan dengan rayuan itu boleh disampaikan kepada perayu itu atau peguam belanya dan hendaklah ditandatangani oleh perayu itu atau peguam belanya.

Rekod keputusan Suruhanjaya

52. (1) Orang yang terkilan atau orang yang kepentingannya tersentuh yang disebut dalam seksyen 51 boleh, atas inisiatifnya sendiri, meminta secara bertulis kepada Suruhanjaya untuk mendapatkan suatu pernyataan mengenai alasan bagi keputusan Suruhanjaya.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (3), Suruhanjaya hendaklah, apabila diterimanya permintaan bertulis di bawah subseksyen (1), memberikan suatu salinan pernyataan mengenai alasan bagi keputusannya kepada orang yang terkilan atau orang yang kepentingannya tersentuh itu apabila dibayar fi yang ditetapkan.

(3) Apabila suatu notis rayuan telah difailkan dengan Tribunal Rayuan Persaingan di bawah seksyen 51, Suruhanjaya hendaklah, jika ia belum lagi menulis alasan bagi keputusannya mengenai perkara yang dinyatakan dalam notis itu sebagaimana yang diminta oleh perayu di bawah subseksyen (1), merekodkan secara bertulis alasan bagi keputusannya dan alasan bertulis itu hendaklah menjadi sebahagian daripada rekod prosiding di hadapan Tribunal Rayuan Persaingan.

Penggantungan keputusan sementara menunggu rayuan

53. (1) Sementara menunggu keputusan suatu rayuan oleh Tribunal Rayuan Persaingan, suatu keputusan Suruhanjaya adalah sah, mengikat dan boleh dikuatkuasakan kecuali jika suatu penggantungan keputusan Suruhanjaya telah dipohon oleh perayu dan dibenarkan oleh Tribunal Rayuan Persaingan.

(2) Suatu permohonan untuk penggantungan hendaklah secara bertulis dan hendaklah dibuat kepada Tribunal Rayuan Persaingan pada atau selepas hari notis rayuan itu difailkan dengan Tribunal Rayuan Persaingan.

Komposisi Tribunal Rayuan Persaingan

54. Tiap-tiap prosiding Tribunal Rayuan Persaingan hendaklah didengar dan dibereskan oleh tiga orang anggota Tribunal Rayuan Persaingan atau apa-apa bilangan ganjil yang lebih besar sebagaimana yang ditentukan oleh Presiden dalam mana-mana hal tertentu.

Persidangan Tribunal Rayuan Persaingan

55. (1) Tribunal Rayuan Persaingan hendaklah bersidang pada apa-apa tarikh dan di mana-mana tempat yang ditentukan oleh Presiden dari semasa ke semasa.

(2) Presiden boleh membatalkan atau menangguhkan mana-mana persidangan Tribunal Rayuan Persaingan dan boleh menukar tempat persidangan yang telah ditentukan di bawah subseksyen (1).

(3) Apa-apa perubahan kepada tarikh atau tempat mana-mana persidangan Tribunal Rayuan Persaingan hendaklah dimaklumkan kepada pihak-pihak kepada rayuan itu melalui notis bertulis.

Tatacara Tribunal Rayuan Persaingan

56. Tribunal Rayuan Persaingan hendaklah memutuskan tatacaranya sendiri.

Kuasa Tribunal Rayuan Persaingan

57. (1) Tribunal Rayuan Persaingan hendaklah mempunyai kuasa—

- (a) untuk memanggil pihak kepada prosiding itu atau mana-mana orang lain untuk hadir di hadapannya untuk memberikan keterangan berkenaan dengan sesuatu rayuan;
- (b) untuk mendapatkan dan menerima keterangan secara bersumpah atau ikrar sama ada secara lisan atau dokumentar, dan memeriksa semua orang sedemikian sebagai saksi sebagaimana yang difikirkan perlu olehnya;
- (c) jika seseorang dipanggil sedemikian, untuk menghendaki pengemukaan apa-apa maklumat, dokumen atau benda lain dalam miliknya atau di bawah kawalannya yang difikirkan perlu oleh Tribunal Rayuan Persaingan bagi maksud rayuan itu;
- (d) untuk mengendalikan apa-apa sumpah, ikrar atau akuan berkanun, mengikut kehendak keadaan;
- (e) jika seseorang dipanggil sedemikian, untuk membenarkan pembayaran apa-apa perbelanjaan yang munasabah yang dilakukan berkaitan dengan kehadirannya;
- (f) untuk menerima keterangan atau menolak keterangan yang dikemukakan, sama ada secara lisan atau dokumentar, dan sama ada boleh diterima atau tidak boleh diterima di bawah peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa berhubungan dengan kebolehterimaan keterangan; dan
- (g) untuk secara amnya mengarahkan dan melakukan segala perkara yang perlu atau suai manfaat bagi mempercepat keputusan rayuan.

(2) Tribunal Rayuan Persaingan hendaklah mempunyai kuasa mahkamah rendah di bawah Akta Mahkamah Rendah 1948 [Akta 92] berkenaan dengan penguatkuasaan kehadiran saksi, pendengaran keterangan secara bersumpah atau ikrar dan menjatuhkan hukuman kerana penghinaan mahkamah.

Keputusan Tribunal Rayuan Persaingan

58. (1) Keputusan Tribunal Rayuan Persaingan, tentang apa-apa perkara, hendaklah diputuskan mengikut majoriti anggotanya.

(2) Tribunal Rayuan Persaingan boleh mengesahkan atau mengetepikan keputusan yang menjadi hal bagi rayuan itu, atau mana-mana bahagiannya, dan boleh—

- (a) meremitkan perkara itu kepada Suruhanjaya;
- (b) mengenakan atau membatalkan, atau mengubah amaun, suatu penalti kewangan;
- (c) memberikan apa-apa arahan, atau mengambil apa-apa langkah lain sebagaimana yang boleh diberikan atau diambil oleh Suruhanjaya sendiri; atau
- (d) membuat apa-apa keputusan lain yang boleh dibuat oleh Suruhanjaya sendiri.

(3) Suatu keputusan Tribunal Rayuan Persaingan adalah muktamad dan mengikat pihak-pihak kepada rayuan itu.

Penguatkuasaan keputusan Tribunal Rayuan Persaingan

59. Suatu keputusan yang diberikan oleh Tribunal Rayuan Persaingan boleh, dengan kebenaran Mahkamah Tinggi, dikuatkuasakan dengan cara yang sama seperti suatu penghakiman atau perintah yang mempunyai kesan yang sama, dan jika kebenaran diberikan sedemikian, penghakiman boleh dimasukkan mengikut terma keputusan itu.

Perlindungan terhadap guaman dan prosiding undang-undang

60. Tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding lain boleh diambil atau dibawa, dimulakan atau dibuat dalam mana-mana mahkamah terhadap—

- (a) Tribunal Rayuan Persaingan;
- (b) Presiden atau mana-mana anggota Tribunal Rayuan Persaingan;
- (c) Setiausaha atau mana-mana pegawai lain Tribunal Rayuan Persaingan; atau
- (d) mana-mana orang lain yang diberi kuasa untuk bertindak bagi dan bagi pihak Tribunal Rayuan Persaingan,

berkenaan dengan apa-apa perbuatan atau peninggalan yang dilakukan atau ditinggalkan olehnya dengan suci hati atas sifat yang sedemikian.

BAHAGIAN VI**AM****Penalti am**

61. Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini yang baginya tiada penalti diperuntukkan dengan nyata boleh, apabila disabitkan—

- (a) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit, dan bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi sepuluh juta ringgit; atau
- (b) jika orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi dua juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Pengkompaunan kesalahan

62. (1) Menteri boleh, melalui peraturan-peraturan, menetapkan apa-apa kesalahan sebagai suatu kesalahan boleh kompaun dan boleh menetapkan cara yang mengikutnya kesalahan itu boleh dikompaun.

(2) Suruhanjaya boleh, dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya, mengkompaun apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Akta ini dan yang ditetapkan menjadi suatu kesalahan boleh kompaun dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaun kesalahan itu apabila dibayar kepada Suruhanjaya suatu amaun wang yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada amaun denda maksimum bagi kesalahan itu dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran bertulis itu.

(3) Suatu tawaran di bawah subseksyen (2) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa masa lanjutan yang diberikan oleh Suruhanjaya, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(4) Jika suatu kesalahan telah dikompaun di bawah subseksyen (2), tiada pendakwaan boleh dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran mengkompaun itu dibuat, dan mana-mana rekod, buku, akaun, dokumen, data berkomputer atau benda lain yang disita berkaitan dengan kesalahan itu boleh dilepaskan oleh Suruhanjaya, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut untuk dikenakan mengikut syarat kompaun itu.

(5) Semua jumlah wang yang diterima oleh Suruhanjaya di bawah seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan

63. (1) Jika suatu pertubuhan perbadanan melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini, mana-mana orang yang pada masa pelakuan kesalahan itu ialah seorang pengarah, ketua pegawai eksekutif, ketua pegawai operasi, pengurus, setiausaha atau pegawai

lain yang seumpamanya dalam pertubuhan perbadanan itu atau yang berupa bertindak atas mana-mana sifat sedemikian atau yang mengikut apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal pertubuhan perbadanan itu atau yang membantu dalam pengurusan sedemikian—

- (a) boleh dipertuduh secara berasingan atau bersejajarnya dalam prosiding yang sama bersekali dengan pertubuhan perbadanan itu; dan
- (b) jika pertubuhan perbadanan itu didapati telah melakukan kesalahan itu, hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan jika, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan, dia membuktikan—
 - (i) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya, persetujuannya atau pembiarannya; dan
 - (ii) bahawa dia telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah dan telah menjalankan segala usaha yang wajar untuk mengelakkan pelakuan kesalahan itu.

(2) Jika mana-mana orang di bawah Akta ini akan dikenakan apa-apa hukuman atau penalti bagi perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran, dia boleh dikenakan hukuman atau penalti yang sama bagi tiap-tiap perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran mana-mana pekerja atau ejennya, atau pekerja ejen itu, jika perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu telah dilakukan—

- (a) oleh pekerja orang itu dalam masa penggajiannya;
- (b) oleh ejen itu semasa bertindak bagi pihak orang itu; atau
- (c) oleh pekerja ejen itu dalam masa penggajian pekerja itu dengan ejen itu atau selainnya bagi pihak ejen yang bertindak bagi pihak orang itu.

Hak tindakan persendirian

64. (1) Mana-mana orang yang mengalami kehilangan atau kerugian secara langsung akibat suatu pelanggaran mana-mana larangan di bawah Bahagian II mempunyai hak tindakan bagi

relief dalam prosiding sivil dalam mahkamah di bawah seksyen ini terhadap mana-mana perusahaan yang atau pada masa material itu menjadi suatu pihak kepada pelanggaran itu.

(2) Tindakan boleh dibawa oleh mana-mana orang yang disebut di bawah subseksyen (1) tanpa mengira sama ada orang itu berurusan secara langsung atau tidak langsung dengan perusahaan itu.

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

65. (1) Menteri boleh membuat apa-apa peraturan yang perlu atau suai manfaat bagi—

- (a) melaksanakan sepenuhnya peruntukan Akta ini;
- (b) menjalankan atau mencapai matlamat dan maksud Akta ini; dan
- (c) mengadakan peruntukan bagi apa-apa perkara tambahan, sampingan atau berbangkit berhubungan dengan Akta ini.

(2) Menteri boleh, sebelum membuat apa-apa peraturan—

- (a) menyiarkan, suatu notis mengenai niatnya untuk membuat peraturan-peraturan yang dicadangkan itu;
- (b) memberikan sekurang-kurangnya tiga puluh hari dari tarikh penyiaran untuk membolehkan apa-apa penghujahan dibuat oleh orang awam berhubungan dengan peraturan-peraturan yang dicadangkan itu; dan
- (c) memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada apa-apa penghujahan yang dibuat.

(3) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh menetapkan apa-apa perbuatan atau peninggalan yang melanggar dengan peraturan-peraturan itu menjadi suatu kesalahan dan boleh menetapkan penalti denda tidak melebihi satu juta ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Kuasa untuk mengeluarkan garis panduan

66. (1) Suruhanjaya boleh mengeluarkan dan menyiarkan apa-apa garis panduan yang suai manfaat atau perlu bagi menjalankan dengan lebih baik peruntukan Akta ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), Suruhanjaya boleh mengeluarkan—

(a) garis panduan mengenai analisis ekonomi dan perundangan yang akan digunakan dalam menentukan kes di bawah Akta ini; dan

(b) garis panduan mengenai prinsip yang akan digunakan dalam menentukan apa-apa penalti atau remedi yang dikenakan di bawah Akta ini.

(3) Suruhanjaya boleh membatalkan, mengubah, menyemak semula atau meminda keseluruhan atau mana-mana bahagian mana-mana garis panduan yang dikeluarkan di bawah seksyen ini.

Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948

67. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Suruhanjaya, Pengerusi, mana-mana pegawai Suruhanjaya, mana-mana anggota, pegawai, pekhidmat atau ejen Suruhanjaya, Presiden, Setiausaha atau mana-mana anggota, pegawai, pekhidmat atau ejen Tribunal Rayuan Persaingan berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran yang dilakukan atau ditinggalkan olehnya atas sifat yang sedemikian.

JADUAL PERTAMA

[Seksyen 3]

1. Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [*Akta 588*]
2. Akta Suruhanjaya Tenaga 2001 [*Akta 610*]

JADUAL KEDUA

[Seksyen 13]

Aktiviti yang tidak tertakluk kepada Bab 1 dan 2 Bahagian II

Bab 1 dan 2 Bahagian II tidak terpakai bagi—

- (a) suatu perjanjian atau perlakuan setakat yang ia terlibat dalam suatu perintah untuk mematuhi suatu kehendak perundangan;
- (b) aktiviti perundingan kolektif atau perjanjian kolektif berkenaan dengan terma dan syarat penggajian dan yang dirunding atau diikat antara pihak yang termasuk kedua-dua majikan dan pekerja atau organisasi yang ditubuhkan untuk mewakili kepentingan majikan atau pekerja;
- (c) suatu perusahaan yang diamanahkan dengan pengendalian perkhidmatan yang berkepentingan ekonomi am atau yang mempunyai ciri monopoli pengeluaran hasil setakat yang larangan di bawah Bab 1 dan Bab 2 Bahagian II akan menghalang pelaksanaan, di sisi undang-undang atau hakikat, tugas tertentu yang diberikan kepada perusahaan itu.

HURAIAN

Akta Persaingan 2010 (“Akta ini”) sebagaimana yang dicadangkan oleh Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk memasukkan larangan ke atas perlakuan dan amalan antipersaingan. Matlamat Akta ini adalah untuk menggalakkan pembangunan ekonomi dengan melindungi proses persaingan, dan dengan demikian itu melindungi kepentingan pengguna.

Akta ini membuat peruntukan bagi mengadakan undang-undang persaingan dengan mengadakan dua larangan utama. Pertamanya adalah berkenaan dengan perjanjian atau amalan bersepadu antara perusahaan atau persatuan perusahaan (bersama-sama disebut sebagai “perjanjian”) yang mempunyai matlamat atau kesan, yang menghalang, menyekat atau mengganggu secara signifikan persaingan di Malaysia. Keduanya ialah larangan penyalahgunaan oleh suatu perusahaan atau perusahaan-perusahaan akan kedudukan dominan di Malaysia.

BAHAGIAN I

- 2. Bahagian I memperkatakan perkara permulaan.
- 3. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas Akta dan memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta.
- 4. *Fasal 2* mengandungi takrif ungkapan tertentu yang digunakan dalam Akta ini.

5. *Fasal 3* mengadakan peruntukan mengenai pemakaian Akta ini dan bertujuan untuk memperuntukkan pemakaian Akta ini di luar Malaysia yang perlu untuk memastikan bahawa apa-apa aktiviti komersial yang diurusniagakan di luar Malaysia yang mempunyai kesan terhadap persaingan dalam mana-mana pasaran di Malaysia adalah tertakluk kepada Akta ini.

BAHAGIAN II

Bab 1

6. Bahagian II mengandungi larangan ke atas perjanjian antipersaingan dan penyalahgunaan kedudukan dominan.

7. *Fasal 4* melarang perjanjian mendatar dan menegak, yang mempunyai matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam mana-mana pasaran bagi barangan dan perkhidmatan di Malaysia.

8. *Fasal 5* bertujuan untuk membenarkan suatu perusahaan yang merupakan suatu pihak kepada apa-apa perjanjian tertentu untuk melepaskan liabilitinya daripada larangan di bawah *fasal 4* jika kriteria yang dinyatakan dalam *fasal 5* dipenuhi. Kriteria yang sama juga digunakan untuk menentukan pemberian pengecualian individu dan pengecualian blok. Bagi tujuan melepaskan liabilitinya, suatu perusahaan dikehendaki untuk menunjukkan bahawa faedah yang diperoleh daripada suatu perjanjian melebihi apa-apa kesan antipersaingan. Ini dapat ditunjukkan dengan membuktikan bahawa terdapat faedah dari segi teknologi, kecekapan atau sosial yang berbangkit daripada perjanjian itu dan faedah-faedah ini tidak akan tercapai tanpa perjanjian itu mempunyai kesan antipersaingan yang bersekadar dengan faedah yang diberikan dan perjanjian itu tidak menghapuskan persaingan sama sekali.

9. *Fasal 6* memberi Suruhanjaya Persaingan (“Suruhanjaya”) kuasa untuk memberikan pengecualian individu daripada larangan *fasal 4* kepada apa-apa perjanjian tertentu yang memenuhi kriteria yang dinyatakan di bawah *fasal 5*.

10. *Fasal 7* memberi Suruhanjaya kuasa untuk membatalkan suatu pengecualian individu atau mengubah syarat atau obligasi yang dikenakan.

11. *Fasal 8* memberi Suruhanjaya kuasa untuk mengecualikan kategori perjanjian daripada larangan *fasal 4* (“pengecualian blok”) yang memenuhi kriteria yang dinyatakan di bawah *fasal 5*.

12. *Fasal 9* mengadakan peruntukan bagi tatacara Suruhanjaya dalam memberikan pengecualian blok.

Bab 2

13. *Fasal 10* bertujuan untuk melarang penyalahgunaan kedudukan dominan. Ia mengandungi suatu senarai pelakuan yang ilustratif, tetapi tidak menyeluruh, yang boleh menjadi suatu penyalahgunaan kedudukan dominan.

Bab 3

14. *Fasal 11* bertujuan untuk memberi Suruhanjaya kuasa untuk menjalankan kajian semula apa-apa pasaran untuk menentukan sama ada apa-apa ciri atau gabungan ciri-ciri pasaran itu menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan dalam pasaran dan *fasal 12* menghendaki Suruhanjaya untuk menyiarkan suatu laporan dapatan dan syornya.

Bab 4

15. *Fasal 13* mengecualikan jenis aktiviti tertentu yang dinyatakan dalam Jadual Kedua daripada larangan di bawah Bahagian II dan memberi Menteri kuasa untuk meminda Jadual Kedua. Fasal ini menghendaki Menteri untuk memberikan pertimbangan sewajarnya kepada apa-apa penghujahan yang dibuat oleh orang awam berkenaan dengan cadangan pindaan kepada Jadual Kedua sebelum membuat pindaan.

BAHAGIAN III

16. Bahagian III memperkatakan kuasa Suruhanjaya berkenaan dengan penyiasatan dan penguatkuasaan.

17. *Fasal 14* bertujuan untuk memberi Suruhanjaya kuasa untuk menjalankan penyiasatan jika Suruhanjaya mempunyai sebab untuk mengesyaki bahawa mana-mana perusahaan telah melanggar atau sedang melanggar mana-mana larangan di bawah Akta ini atau mana-mana orang telah melakukan atau sedang melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini. *Fasal 15* memberi Suruhanjaya kuasa untuk menjalankan siasatan yang serupa apabila menerima aduan daripada seseorang.

18. *Fasal 16* mengandungi peruntukan berkenaan dengan keputusan Suruhanjaya untuk menutup suatu penyiasatan berhubung dengan suatu pelanggaran suatu larangan di bawah Akta ini.

19. *Fasal 17* bertujuan untuk memberi pegawai Suruhanjaya segala kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan di bawah Akta ini.

20. *Fasal 18* bertujuan untuk memberi Suruhanjaya kuasa untuk menghendaki seseorang untuk memberikan atau mengemukakan apa-apa maklumat atau dokumen yang dikehendakinya bagi maksud menjalankan kuasa dan fungsinya di bawah Akta ini.

21. *Fasal 19* membolehkan Suruhanjaya untuk memegang simpan dokumen yang diperoleh di bawah Akta ini.

22. *Fasal 20* memperkatakan akses kepada rekod, buku, akaun atau benda lain bagi maksud menjalankan fungsi atau kuasa Suruhanjaya.

23. *Fasal 21* melarang penzahiran maklumat rahsia yang diperoleh menurut kuasa peruntukan Akta.

24. *Fasal 22* membenarkan seseorang untuk enggan mematuhi apa-apa kehendak bagi penzahiran apa-apa komunikasi antara seorang penasihat undang-undang profesional dengan pelanggannya.

25. *Fasal 23* bertujuan untuk menjadikan suatu kesalahan untuk memberikan maklumat, keterangan atau dokumen palsu atau mengelirukan kepada Suruhanjaya.

26. *Fasal 24* bertujuan untuk menjadikan suatu kesalahan untuk memusnahkan, menyembunyikan, mencatitkan, mengubah, menghantar atau cuba untuk menghantar, berkomplot dengan mana-mana orang lain untuk mengalihkan dari premisnya atau menghantar keluar dari Malaysia apa-apa rekod, dsb dengan niat untuk memfraud Suruhanjaya atau menghalang, melengahkan atau menggalang apa-apa penyiasatan atau perjalanan mana-mana kuasa Suruhanjaya.

27. *Fasal 25* dan *26* masing-masing memperkatakan peruntukan yang berhubungan dengan kuasa pengeledahan dan penyitaan dengan waran dan pengeledahan dan penyitaan tanpa waran.

28. *Fasal 27* memperkatakan capaian kepada data berkomputer.

29. *Fasal 28* memperuntukkan bahawa suatu waran geledah yang dikeluarkan di bawah Akta ini adalah sah dan boleh dikuatkuasakan walau apa pun kecacatan, kesilapan atau peninggalan dalamnya.

30. *Fasal 29* mengenakan kewajipan ke atas seorang pegawai Suruhanjaya untuk menyediakan suatu senarai rekod, buku, akaun, dokumen, data berkomputer atau benda lain yang disita menurut Akta ini, dan suatu notis bertulis mengenai penyitaan itu yang mengandungi alasan bagi penyitaan itu.

31. *Fasal 30* memperkatakan pelepasan benda yang disita di bawah Akta jika benda itu tidak dikehendaki bagi maksud apa-apa prosiding di bawah Akta atau bagi maksud apa-apa pendakwaan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

32. *Fasal 31* memperuntukkan bahawa tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan apa-apa benda di bawah Akta boleh didapatkan dalam mana-mana prosiding di hadapan mana-mana mahkamah melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

33. *Fasal 32* bertujuan untuk menjadikan suatu kesalahan untuk menggalang mana-mana pegawai Suruhanjaya yang menjalankan pengeledahan dengan keengganan untuk memberikan akses kepada premis, mengamang, menggalang, menghalang atau melengahkan pegawai Suruhanjaya itu dalam pelaksanaan fungsinya di bawah Akta.

34. *Fasal 33* bertujuan untuk menjadikan suatu kesalahan untuk menzahirkan kepada mana-mana orang lain maklumat yang mungkin akan menjejaskan suatu penyiasatan di bawah Akta ini.

35. *Fasal 34* melarang paksaan terhadap seseorang supaya dia tidak membuat suatu aduan atau bekerjasama dengan Suruhanjaya berkaitan dengan suatu penyiasatan.

BAHAGIAN IV

36. Bahagian IV memperkatakan keputusan oleh Suruhanjaya berhubung dengan suatu penyiasatan.

37. *Fasal 35* memberi Suruhanjaya kuasa, sementara selesainya suatu penyiasatan, untuk mengenakan langkah interim yang difikirkannya perlu untuk menghalang kerugian serius dan tidak boleh dibaiki kepada seseorang atau kategori orang atau untuk melindungi kepentingan awam.

38. *Fasal 36* memperuntukkan bahawa Suruhanjaya hendaklah memberikan notis mengenai keputusan yang dicadangkan bahawa salah satu larangan dalam Bahagian II telah atau sedang dilanggar dan memberi perusahaan yang terlibat peluang untuk membuat representasi.

39. *Fasal 37* dan *38* masing-masing memperkatakan tatacara untuk membuat representasi lisan oleh perusahaan yang terlibat dan perjalanan pendengaran oleh Suruhanjaya.

40. *Fasal 39* memperuntukkan bahawa apabila Suruhanjaya memutuskan bahawa tiada pelanggaran apa-apa larangan di bawah Akta ini, ia hendaklah memberikan notis mengenai keputusannya itu kepada mana-mana orang yang tersentuh dengan keputusan itu.

41. *Fasal 40* mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan kuasa Suruhanjaya apabila mendapati bahawa pelanggaran mana-mana larangan di bawah Akta ini telah berlaku, termasuk menghendaki pelanggaran itu dihentikan serta-merta, menyatakan tindakan untuk menghentikan pelanggaran itu dan penganan penalti kewangan.

42. *Fasal 41* bertujuan untuk memperuntukkan suatu rejim kelonggaran, yang membenarkan penurunan sehingga maksimum seratus peratus bagi apa-apa penalti yang dikenakan, kepada suatu perusahaan yang mengaku penglibatannya dalam pelanggaran mana-mana larangan di bawah *subfasal 4(2)* dan perusahaan itu telah bekerjasama dengan Suruhanjaya yang membantu Suruhanjaya secara signifikan dalam penyiasatan.

43. *Fasal 42* memperuntukkan bahawa, jika seseorang tidak mematuhi arahan atau keputusan di bawah *fasal 35* atau *40*, Suruhanjaya boleh membawa prosiding di hadapan Mahkamah Tinggi terhadap orang itu untuk mendapatkan suatu perintah untuk menguatkuasakan pematuhan.

44. *Fasal 43* memberi Suruhanjaya kuasa untuk menerima suatu aku janji untuk membuat atau menahan daripada membuat apa-apa jua yang difikirkan sesuai oleh Suruhanjaya daripada suatu perusahaan.

BAHAGIAN V

45. Bahagian V memperkatakan Tribunal Rayuan Persaingan.
46. *Fasal 44* bertujuan untuk menubuhkan Tribunal Rayuan Persaingan yang mempunyai kuasa untuk mengkaji semula keputusan Suruhanjaya. Perkara-perkara yang boleh dirayu kepada Tribunal Rayuan Persaingan dinyatakan dalam *fasal* itu.
47. *Fasal 45* memperuntukkan keanggotaan Tribunal Rayuan Persaingan. Anggota Tribunal Rayuan Persaingan dilantik oleh Perdana Menteri, atas syor Menteri, yang terdiri daripada seorang Presiden (hakim Mahkamah Tinggi yang dinamakan oleh Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan) dan antara tujuh hingga dua puluh anggota lain.
48. *Fasal 46* memperuntukkan bagi elaun anggota Tribunal Rayuan Persaingan.
49. *Fasal 47* memperuntukkan bagi pembatalan pelantikan Presiden dan anggota Tribunal Rayuan Persaingan dan peletakan jawatan mereka.
50. *Fasal 48* memperkatakan pengosongan jawatan dan pelantikan baru atau sementara Presiden dan anggota Tribunal Rayuan Persaingan.
51. *Fasal 49* menghendaki anggota Tribunal Rayuan Persaingan untuk menzahirkan apa-apa kepentingan yang mungkin bercanggah dengan tugas anggota itu dalam sesuatu perkara tertentu.
52. *Fasal 50* memperuntukkan bagi pelantikan Setiausaha dan pegawai Tribunal Rayuan Persaingan.
53. *Fasal 51* memperuntukkan bahawa seseorang yang terkilan atau yang kepentingannya tersentuh oleh keputusan Suruhanjaya boleh merayu kepada Tribunal Rayuan Persaingan.
54. *Fasal 52* membenarkan seseorang yang terkilan atau yang kepentingannya tersentuh oleh keputusan Suruhanjaya untuk meminta Suruhanjaya supaya memberikan pernyataan mengenai alasan bagi keputusan Suruhanjaya.
55. *Fasal 53* memperuntukkan bahawa perayu boleh memohon suatu penggantungan keputusan Suruhanjaya sementara menunggu keputusan rayuan oleh Tribunal Rayuan Persaingan.
56. *Fasal 54* memperuntukkan komposisi Tribunal Rayuan Persaingan yang mendengar dan menyelesaikan suatu perkara di hadapan Tribunal Rayuan Persaingan.
57. *Fasal 55* memperuntukkan bahawa Tribunal Rayuan Persaingan hendaklah bersidang pada apa-apa tarikh dan di mana-mana tempat yang ditentukan oleh Presiden Tribunal Rayuan Persaingan, manakala *fasal 56* memperuntukkan bahawa Tribunal Rayuan Persaingan boleh mengawal selia tatacaranya sendiri.

58. *Fasal 57* menyatakan kuasa-kuasa Tribunal Rayuan Persaingan.
59. *Fasal 58* memperuntukkan bahawa keputusan Tribunal Rayuan Persaingan adalah muktamad dan mengikat pihak-pihak kepada rayuan itu.
60. *Fasal 59* memperuntukkan bagi penguatkuasaan keputusan yang diberikan oleh Tribunal Rayuan Persaingan.
61. *Fasal 60* memberikan perlindungan kepada Tribunal Rayuan Persaingan dan Presiden, anggota dan pekhidmatnya yang menjalankan mana-mana kuasa di bawah Akta ini daripada apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding lain jika perbuatan itu dibuat dengan suci hati.

BAHAGIAN VI

62. Bahagian VI memperkatakan peruntukan am.
63. *Fasal 61* hingga *63* mengandungi peruntukan mengenai penalti am, pengkompaunan kesalahan dan kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan.
64. *Fasal 64* memperuntukkan bahawa seseorang yang mengalami kehilangan atau kerugian akibat pelanggaran mana-mana larangan di bawah Bahagian II mempunyai hak tindakan bagi relief dalam prosiding sivil terhadap mana-mana perusahaan yang menjadi suatu pihak kepada pelanggaran itu.
65. *Fasal 65* memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan dan Menteri pada menjalankan kuasa itu boleh memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada mana-mana penghujahan yang dibuat oleh orang awam berhubungan dengan peraturan-peraturan yang dicadangkan sebelum membuat peraturan-peraturan itu.
66. *Fasal 66* memberi Suruhanjaya kuasa untuk mengeluarkan garis panduan.
67. *Fasal 67* mengadakan peruntukan bahawa Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 hendaklah terpakai bagi Suruhanjaya dan pegawai-pegawainya atau Tribunal Rayuan Persaingan dan pegawai-pegawainya.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U²)2704]